

Lebih 300 sertai Pertandingan Memancing Terbuka KK anjuran UMS

NST 8·5·16 8

KOTA KINABALU: Lebih 300 terlibat dalam Pertandingan Memancing Terbuka Kota Kinabalu anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Kolam Masjid Bandaraya, Likas dekat sini baru-baru ini.

Menariknya, selain masyarakat tempatan, penganjuran itu turut disertai para pelancong asing dari luar negara.

Pertandingan itu merupakan anjuran bersama Exco Sukan dan Rekreasi (Majlis Perwakilan Pelajar) dan pelajar Program Sains Sukan (Excelsior) UMS dengan kerjasama pihak Jawatankuasa Masjid Bandaraya.

Pertandingan tersebut turut menampilkan barisan penaja utama seperti Adabi, TC Tackle dan Tune Hotel yang menyaksikan lebih 20 hadiah utama untuk dimenangi termasuk hadiah cabutan bertuah.

Pertandingan itu dimulakan oleh wakil Jawatankuasa Masjid Bandaraya, Haji Salman, dengan membunyikan siren menandakan peserta boleh melabuhkan joran mereka dan mula bertanding.

Pemenang utama pertandingan ditentukan melalui berat ikan yang diperolehi sementara satu hadiah istimewa disediakan bagi pemancing yang memperoleh jumlah ikan terbanyak.

Pertandingan itu tamat pada sekitar jam 12 tengahari sebelum solat Zuhur apabila siren kedua dibunyikan.

Johan pertandingan menerima wang tunai RM700 beserta set peralatan memancing TCE Tackle, Penginapan 3 hari 2 malam di Tune Hotel, Hamper Adabi dan lain-lain sumbangan penaja pertandingan, dimenangi oleh Mohammad Arham Azlan.

Naib Johan pula milik Lasius, yang membawa pulang wang tunai RM500, set peralatan memancing TCE Tackle hamper Adabi dan hadiah-hadiah lain.

Sementara itu, wang tunai RM300, set peralatan memancing beserta hadiah-hadiah lain menjadi milik pemenang tempat ke 3, Munir Bidin.

Pada penghujung acara itu, Penolong Pendaftar Kanan dan Alumni UMS, Mohammad Wazir Shafie Hj. Aliasah selaku tetamu jemputan pertandingan telah menyampaikan hadiah-hadiah bersama-sama pihak penaja terdiri daripada Zahari (Adabi) Ira Naumen (Tune Hotel).

Hadir sama Prof. Madya Dr. Mohamad Razali Abdullah (Pensyarah Program Sains Sukan) dan Dr. Mohamad Nizam Nazarudin (Pensyarah serta Penasihat Pertandingan).

Dr. Mohamad Nizam ketika ditemui berkata beliau amat berpuas hati dengan perjalanan pertandingan serta kerjasama dari pihak yang terlibat khususnya pihak Masjid Bandaraya dan pihak penaja.

Katanya, Pertandingan tersebut diadakan untuk menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti rekreasi dan serta mempromosi aktiviti Masjid Bandaraya selain memberikan pengalaman merancang kemudahan sukan rekerasi kepada para pelajar Program Sains Sukan UMS beramal.

"Kita akan anjurkan pertandingan memancing yang lebih besar di Tasik UMS pada bulan November nanti sempena Pesta Tamu Gadang," katanya selepas menyaksikan penyerahan sumbangan kepada pihak masjid selepas pertandingan. - OLEH JOANES ROBERT JOHNNY (joanes@newsabahtimes.com.my)